

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN
PENOLONG PENDAFTAR PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU'
ORANG ISLAM NEGERI PULAU PINANG**

Warganegara Malaysia yang tinggal tetap di dalam Negeri Pulau Pinang serta memenuhi syarat-syarat kelayakan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian Dan Ruju' Orang Islam Negeri Pulau Pinang.

1. a) Kekosongan : 2
- b) Kawasan Penolong: **Bandaraya 'A'**
Pendaftar (Meliputi kariah Sungai Gelugor, At-Taqwa, Al-Malik Khalid USM, Batu Uban, Sungai Nibong Kecil, Sungai Nibong Besar dan Al-Soghir Taman Pekaka)

Bandaraya 'B'
(Meliputi kariah Jelutong, Sungai Pinang, Hashim Yahya, Kampung Rawa, Lebuh Aceh, Sheikh Eusoff, Kampung Makam, Jalan Hatin, Kapitan Keling, Simpang Enam, Titi Papan, Perangin dan Masjid Melayu)

2. Deskripsi Tugas :

- i. Bertanggungjawab dalam urusan perkahwinan bagi pemastautin yang hendak berkahwin di dalam atau di luar kawasan kariahnya.
- ii. Mengesahkan butiran borang permohonan perkahwinan yang telah diisi oleh pemohon di dalam kawasannya sebelum dikemukakan kepada Pendaftar.
- iii. Memperhalusi permohonan Kebenaran Berkahwin terutamanya dari segi hukum syarak.
- iv. Menjalankan upacara akad nikah setelah mendapat kebenaran berkahwin daripada Pendaftar.
- v. Memaklumkan kepada Pendaftar dengan kadar segera sekiranya wujud keraguan dalam majlis akad nikah.
- vi. Memberi nasihat, pandangan dan tunjuk ajar kepada mana-mana orang atau pasangan suami isteri atau keluarga berhubung hukum hakam dan masalah rumahtangga.
- vii. Menerima dan mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang atau Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang dari semasa ke semasa.

3. Syarat-syarat Kelayakan :

- 3.1 Seorang lelaki beragama Islam, berpegang kepada akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan bermazhab Syafie;
- 3.2 Berumur tidak kurang daripada 30 tahun dan tidak melebihi 65 tahun;
- 3.3 Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya 4 Thanawi/ Sijil Menengah Agama atau yang setaraf dengannya;
- 3.4 Sihat tubuh badan dan tidak mengalami penyakit-penyakit yang menjejaskan tugas;
- 3.5 Sempurna pendengaran dan penglihatan;
- 3.6 Keutamaan diberikan kepada pemohon yang tinggal tetap di daerah jawatan Penolong Pendaftar tersebut dipohon;
- 3.7 Berhemah tinggi, berakhlak mulia, disenangi dan sentiasa menjadi contoh kepada masyarakat setempat;
- 3.8 Tidak pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah di mana-mana Mahkamah atau diisytiharkan muflis;
- 3.9 Boleh membaca dan menulis jawi dan rumi dengan baik;
- 3.10 Mengetahui hukum Fiqh terutamanya dalam bab Munakahat;
- 3.11 Boleh membaca Al-Quran dengan baik;
- 3.12 Mendapatkan ulasan dan sokongan Pegawai Tadbir Agama Daerah dan
- 3.13 Lulus ujian kelayakan yang ditetapkan.

4. Cara Memohon :

4.1 Borang permohonan juga boleh didapati melalui <http://jaipp.penang.gov.my> atau di alamat berikut :-

**i) Pengarah,
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang,
Lebuh Pantai,
10300 PULAU PINANG.**

**ii) Pegawai Tadbir Agama,
Pejabat Agama Daerah Timur Laut,
Tingkat 34, KOMTAR,
10000 PULAU PINANG.**

- 4.2 Permohonan untuk mengisi jawatan ini perlulah mendapat perakuan Pegawai Tadbir Agama Daerah berkenaan sepertimana yang tertera di dalam borang permohonan.
- 4.3 Borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta salinan sijil-sijil yang disahkan hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran **22sm x 32sm** dan di sudut atas sebelah kiri hendaklah ditulis **PPNCR**.

5. Catatan Am :

- 5.1 Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- 5.2 Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

6. Alamat Permohonan:

Permohonan hendaklah disampaikan kepada:

**Pengarah,
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang
Lebuh Pantai, 10300 Pulau Pinang
(u.p : Bahagian Undang-Undang Keluarga Islam)**

7. **Tarikh tutup permohonan pada 20 SEPTEMBER 2017 (RABU)**

8. Soalan-soalan temuduga berdasarkan tajuk-tajuk seperti berikut :

- a) Pernikahan,
- b) Perceraian,
- c) Ruju',
- d) Wali,
- e) Mahar,
- f) Eddah,
- g) I'la,
- h) Zihar,
- i) Pentadbiran Pernikahan, Perceraian Dan Ruju' Orang Islam Di Negeri Pulau Pinang.